

09 OCT 1997

Mahathir-Sokong

MBM YAKIN DENGAN KEPIMPINAN DR MAHATHIR MENANGANI KRISIS EKONOMI

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini menyatakan keyakinannya dengan kewibawaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menangani serangan asing terhadap ekonomi negara sekarang.

Presidennya Datuk Shuhaimi Ibrahim berkata keyakinan itu berdasarkan kemampuan Perdana Menteri menyelesaikan pelbagai krisis yang melanda negara sebelum ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada penutupan bengkel Pengurusan Persatuan Belia Kubang Pasu. Bengkel tiga hari itu dianjurkan bersama oleh Majlis Belia Kubang Pasu dan Pejabat Belia dan Sukan Kubang Pasu.

Shuhaimi berkata sebelum ini pun Dr Mahathir yang disifatkan sebagai "hero" itu telah menghadapi pelbagai ujian dalaman dan luaran sebelum berjaya membawa Malaysia ke tahap seperti yang dapat dilihat sekarang.

Oleh itu, Suhaimi berkata rakyat jangan bimbang dengan apa yang dilalui negara sekarang kerana masa sahaja akan menentukan kemampuan Dr Mahathir.

Di JOHOR BAHRU, Persatuan Kebangsaan Pekebum Kecil Malaysia (PKPKM) juga melahirkan sokongan padu terhadap kepimpinan Dr Mahathir.

Presidennya, Datuk Ahmad Arshad berkata, PKPKM juga meminta Dr Mahathir supaya tidak mudah tunduk dengan tekanan media asing atau pihak tertentu yang sengaja mahu beliau meletakkan jawatan.

Ahmad berkata perbuatan mereka adalah sia-sia seperti "anjing yang menyalak bukit, tetapi bukit tidak akan runtuh".

"Ini kerana bukit itu (Dr Mahathir) teguh dan mendapat sokongan yang padu dari seluruh rakyat Malaysia termasuklah dari parti pembangkang," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pekebum kecil dan masyarakat luar bandar supaya menerima fenomena kejatuhan nilai ringgit dan masalah ekonomi negara sekarang dengan penuh kesabaran.

Beliau menyarankan agar semua pekebum kecil berjimat-cermat dan memulaukan barangan import.

Di SEREMBAN, 19 persatuan belia Cina negeri menyatakan pendirian menyokong Perdana Menteri dalam menghadapi segala rintangan yang berlaku.

Pendirian itu dibuat pada perjumpaan di bangunan Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan (DPCNS) di sini.

Antara persatuan yang itu ialah Gerakan Belia Bersatu (GBB), Pergerakan Belia Malaysia, Persatuan Buddha dan DPCNS.

Penyelaras perjumpaan Siow Koi Voon berkata masanya sudah tiba untuk setiap rakyat menunjukkan sokongan padu terhadap Dr Mahathir dan kerajaan pimpinan beliau yang selama ini telah berjaya mewujudkan keamanan dan kestabilan serta memajukan negara.

Sehubungan itu, katanya, mulai minggu depan mereka akan mengaturkan kempen dan ceramah di seluruh negeri bagi menyatakan pendirian itu.

Di KUALA LUMPUR, Pemangku Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur (DPMMBKL) Syed Amin Aljeffri memberi jaminan bahawa semua anggota DPMMBKL akan bersatu menyokong Dr Mahathir.

DPMMBKL dalam kenyataan berkata dewan itu telah mengadakan tahlil dan sembahyang hajat baru-baru ini bagi memohon penyelesaian kepada masalah ekonomi yang sedang dihadapi negara sekarang.

Lebih 500 orang termasuk Syed Amin hadir pada majlis itu yang diadakan di Masjid Al Akram di sini.

Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (Gepima) berkata anggota-anggotanya berdiri teguh di belakang Dr Mahathir walau apa situasi sekalipun.

Presidennya, Mohamed Kathir Ali dalam kenyataan hari ini berkata, Perdana Menteri banyak membawa pembaharuan sejak memimpin negara menyebabkan jasa serta budinya tidak mungkin dilupakan.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (Baru) Datuk M. Kayveas, yang melahirkan sokongan penuh partinya kepada Dr Mahathir, turut menyatakan kesediaan parti itu untuk membantu "mempertahankan negara ketika menghadapi perang ekonomi ini".

"Dr Mahathir telah menaikkan taraf Malaysia sehingga dihormati dunia. Negara memerlukan beliau untuk terus memimpin," katanya dalam kenyataan.

Beliau berpendapat rentetan peristiwa yang berlaku jelas menunjukkan ia satu tindakan bersama oleh beberapa pihak untuk menjatuhkan ekonomi rantau ini.

"Terdapat kemungkinan bahawa ini adalah perang ekonomi yang tidak diisytiharkan yang dilancarkan terhadap rantau ini. Kita perlu mempertahankan negara kita daripada penaklukan ekonomi."

-- BERNAMA